

# Keluarga dokter falsafah



AHMAD Ramzi (dua dari kanan) bersama adik-beradik.

Oleh NORIAH IDRIS

nori@mediaprima.com.my

**D**ibesarkan dalam keluarga sederhana selain arwah ayahnya Datuk Dr Mohamad Zubir Awang adalah mufti Terengganu, sememangnya aspek keagamaan penting dalam kehidupan harian keluarga ini. Ayahnya menggalakkan anak mencari ilmu demi berbakti kepada ibu pertiwi.

Justeru, Datuk Dr Ahmad Ramzi, 41, bertuah kerana ayahnya membekalkan asas keagamaan kukuh apabila dia dihantar belajar ke dalam aliran agama. Kemudian dia melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir serta memperoleh ijazah sarjana muda pengajian Islam.

Lebih menarik, katanya, jika seseorang itu belajar dalam bidang keagamaan, tidak semestinya akan memilih kerjaya 'ustaz' dan atas alasan terlalu cenderung dalam perniagaan, kini dia membuktikan kejayaannya bergelar usahawan.

"Ketika menuntut di Mesir, saya sudah berkahwin dan isteri juga belajar di universiti sama dan kami memperoleh cahaya mata ketika akhir pengajian.

"Saya terpenggil untuk berniaga kecil-kecilan dengan membuka kedai foto-stat serta bekerja sambil meneruskan kehidupan.

"Pada masa sama, saya berasakan ilmu penting dalam kehidupan lalu menyambung pengajian sarjana di Universiti Putra (UPM), kemudian ke United Kingdom bagi menyempurnakan impian dengan pengkhususan dalam Pengajian Strategi di peringkat doktor falsafah di University of Edinburgh.

"Baik di Asia Barat mahupun United Kingdom, saya turut melakukan kerja sambil menjadi 'budak penghantar' selain menimba pengalaman mencuci tandas atau apa saja pekerjaan asalkan halal, sekali gus menjadi

landasan terbaik buat saya untuk berjaya pada hari ini," katanya.

Menurut Ramzi, asas paling kukuh diterap keluarganya adalah bekerja bersungguh-sungguh kerana tidak pernah diajar keluarga hidup senang walaupun ibu bapanya mampu berbuat demikian.

Katanya, lebih mencabar apabila bapanya meninggal dunia beberapa tahun lalu dan sebagai anak sulung dalam keluarga, dia memikul tanggungjawab terhadap tiga adiknya yang masih menuntut di universiti dalam dan luar negara.

Dia berkata, perhatian terhadap adik tidak pernah diabaikan dari berbangga hasil pemerhatian mendorong mereka belajar hingga ke peringkat tertinggi dan ada yang memperoleh ijazah sarjana muda, pendidikan sarjana serta doktor falsafah.

Adiknya, Nor Ruzaila, 37, lulusan Pengurusan Awam di Universiti Malaya dan kini bergelar pensyarah, manakala adik ketiganya, Ahmad Na-



jami

ber-

kelu-

san

dalam

teknologi maklumat dari University of Birmingham dan bertugas sebagai pengurus teknologi maklumat manakala yang bongsu, Ahmad Shauki, 33, memegang doktor falsafah dari University of Coventry, London.

Namun kini, dua daripada adiknya membantu perniagaan yang dijalankan kerana yakin seperti mana sabda Rasulullah SAW iaitu sambil daripada 10 peratus rezeki berpunca daripada perniagaan dan perkara itu dimanfaatkan dia sekeluarga.

"Hubungan saya dan adik-beradik sangat akrab dan kami sentiasa bersatu hati dalam

Profil



- **Nama:** Datuk Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir
- **Kerjaya:** Pengerusi Eksekutif Estinwira, Killiney Kopitiam
- **Pendidikan:** Doktor Falsafah Pengajian Strategi, University of Edinburgh, United Kingdom
- **Asal:** Kuala Terengganu, Terengganu
- **Status:** Kahwin
- **Isteri:** Datin Ilia Ismail
- **Anak:** Ahmad Lutfi Affendi (12); Nur Latifa Saniah, (10), Ahmad Naq'eb Efendi (7) dan Ahmad Fahmi Huwaidi (enam bulan)

apa saja membabitkan sama ada kekeluargaan atau perniagaan.

"Saya bertuah kerana arwah ayah menghantar saya

mempelajari bidang agama kerana yakin pembinaan asas kukuh mampu mengimbangi diri dalam menempuh apa jua cabaran.

"Selain itu, dua adik saya kini membantu urusan perniagaan, sekali gus memantapkan lagi syarikat, kerana masing-masing ada kepakaran dan kemahiran. Ini membuatkan rangkaian perniagaan semakin lancar hasil persefahaman kukuh," katanya.

Sebelum menjalankan perniagaan pada 2011, Ahmad Ramzi menjadi pegawai khas kepada Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu Datuk Seri Idris Jusoh.

Kini dia menyandang tugas sebagai Pengerusi Eksekutif Estinwira iaitu syarikat yang mengendalikan jenama Killiney Kopitiam dan menjadi satu-satunya francais kedai kopi Bumiputera di negara ini.

Ahmad Ramzi berkata, kejayaannya banyak dipengaruhi sikap untuk melakukan anjakan paradigma bagi mencapai kejayaan kerana yakin Melayu mesti berubah sikap dan fokus terhadap perniagaan dijalankan.

Walaupun kini memiliki 20 cawangan, termasuk di Singapura, Indonesia, Australia dan Hong Kong serta mensasarkan membuka 50 lagi cawangan dalam tempoh lima tahun, Ramzi tidak pernah berpuas hati dengan pencapaiannya.

Namun, katanya, dua perkara yang menjadi sumber kekuatan adalah keluarga iaitu isteri dan anak serta melihat kejayaan adik-beradik yang turut menjadikannya sebagai sumber rujukan, sekali gus sebagai 'ibu dan ayah' berikutan kedua-dua orang tua sudah meninggal dunia.



AHMAD Ramzi bersama isteri dan anak serta keluarga mentua.